



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja seperti berikut:

BIL	BUTIR – BUTIR TAWARAN	TARIKH JUALAN	TARIKH TUTUP	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN (RM)
1.	Cadangan Menaik Taraf Longkang Tanah Kepada Longkang Konkrit Di Jalan Delima/ Jalan Bidara, Kampung Tersusun Batu 7, Lekir Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKJ/SH/LKG NO. 16/2019	20.01.2020 - 28.01.2020	28.01.2020	Gred G2 <i>Kategori CE</i> <i>Pengkhususan CE21</i>	30.00
2.	Cadangan Menaik Taraf Longkang Tanah Kepada Longkang Konkrit Di Lorong Seroja 1, Kampung Tersusun Batu 7, Lekir Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKJ/SH/LKG NO. 17/2019	20.01.2020 - 28.01.2020	28.01.2020	Gred G2 <i>Kategori CE</i> <i>Pengkhususan CE21</i>	30.00
3.	Cadangan Menaik Taraf Longkang Tanah Kepada Longkang Konkrit Di Lorong Mawar 2 Dan Lorong Melor 3, Kampung Tersusun Batu 7, Lekir Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKJ/SH/LKG NO. 18/2019	20.01.2020 - 28.01.2020	28.01.2020	Gred G2 <i>Kategori CE</i> <i>Pengkhususan CE01 dan CE21</i>	30.00
4.	Cadangan Menaik Taraf Longkang Tanah Kepada Longkang Konkrit Di Jalan Binjai, Kampung Tersusun Batu 7, Lekir Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKJ/SH/LKG NO. 19/2019	20.01.2020 - 28.01.2020	28.01.2020	Gred G2 <i>Kategori CE</i> <i>Pengkhususan CE01 dan CE21</i>	30.00

Naskah meja tawaran boleh disemak di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Pejabat Majlis Perbandaran Manjung**, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada waktu pejabat bermula **20.01.2020 (Isnin)**. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat **secara tunai** di Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Manjung. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera** dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga.

Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar kelas G2 dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di **Kaunter Jabatan Kejuruteraan dan**

Penyelenggaraan bagi mendapatkan No. ID Kontraktor Majlis Perbandaran Manjung. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga bagi mengelakkan kelewatan pembelian Dokumen Sebut Harga yang mana dikhuatiri akan menyebabkan kelewatan penghantaran Dokumen Sebut Harga.

Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat bermeteri serta ditulis nombor rujukan sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Manjung sebelum atau pada jam **12.00 tengahari pada 28.01.2020 (Selasa)**.

Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi, atau mana-mana tawaran. Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG.**